

04/12/1998

Bantuan RM400 dianggap memadai

KUALA LUMPUR, Khamis - Langkah kerajaan memberi bantuan kewangan RM400 kepada kakitangan awam dianggap bijak bagi membantu ibu bapa, terutama yang berpendapatan rendah bagi menangani masalah kewangan menjelang semester persekolahan akan datang dan musim perayaan.

Tinjauan Berita Harian di sekitar ibu kota mendapati, orang ramai bersetuju dengan cadangan itu walaupun jumlah yang diberikan agak sedikit dan tidak mencukupi bagi menampung perbelanjaan, terutama bagi ibu bapa yang mempunyai ramai anak.

Pegawai polis, Mohd Rani Shariff, 48, berkata jumlah itu memadai dan memuaskan terutama ketika kegawatan ekonomi, daripada tiada langsung pendapatan tambahan bagi menampung perbelanjaan.

"Ia adalah cadangan bijak, malah, jumlah itu juga lebih kurang dengan bonus yang diperolehi sebelum ini, iaitu kira-kira setengah bulan gaji," katanya kepada ketika ditemui, di sini hari ini.

Jururawat swasta, Hanarisah Isa, 24, pula berkata jumlah itu sangat penting dan dihargai oleh golongan berpendapatan rendah, walaupun hakikatnya ia tidak mencukupi bagi menampung perbelanjaan mereka.

Merinyu Intrakota, Mohd Yusoff Mat Saaid, 48, berkata walaupun tidak mencukupi bagi menampung keseluruhan perbelanjaan, sekurang-kurangnya ia dapat memberi kelonggaran bagi mereka.

Semalam, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata kerajaan bersetuju memberi bantuan kewangan RM400 kepada kira-kira 847,000 kakitangan awam bagi membantu mereka menangani masalah perbelanjaan sekolah anak-anak dan keperluan lain tahun ini.

(END)